

Headline **Luka, nanah cepat kering**
Date **22 Oct 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **349 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,504**
PRValue **22,512**



Luka, nanah cepat kering

Pesakit kencing manis kagumi Tonik Herba Gamat

TONIK Herba Gamat, produk kesihatan keluaran Penawar Industries Sdn Bhd, yang diperkenalkan pertengahan tahun lalu menerima sambutan hebat.

Produk berasaskan herba itu membantu orang ramai merawat pelbagai penyakit terutama kencing manis, sakit pinggang selain menambah tenaga, melawaskan pembuangan air kecil dan menambah selera makan.

Pengurus Besar Penawar Industries Sdn Bhd, Shuib Mohd Isa, berkata produk itu dihasilkan berkenaan adalah menerusi penyelidikan dan pembangunan di kilangnya yang mencapai taraf Amalan Pengilangan Baik.

"Menerusi penghasilan sendiri, Penawar Industries Sdn Bhd mengeluarkan ubat bermutu tinggi dan selamat digunakan.

"Syarikat ini juga mempunyai kaitangan berpengalaman dan terlatih dalam bidang pengeluaran ubat tradisional dan mendapat tunjuk ajar daripada pakar Universiti Sains Malaysia (USM), Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia

(Mardi), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Malaysian Herbal Corporation dan Kementerian Kesihatan.

"Atas dasar ini, kami menawarkan produk

berasaskan bahan semula jadi dari sumber hutan dan lautan dari negara ini," katanya.

Shuib berkata, punca penyakit disebabkan kegagalan orang ramai mengawal pemakanan terutama kecenderungan mengambil makanan berlemak, terlalu manis dan terlalu masin.

"Berikutnya kami menawarkan penyelesaian kepada masalah ini menerusi produk yang ditawarkan kepada orang ramai," katanya.

Penghidap penyakit kencing manis kronik, Othman Omar, 48 dari Kangar, Perlis, dimaklumkan doktor bahawa hanya satu cara mampu menyelamatkan nyawanya iaitu memotong kakinya yang luka.

Tapi, dia dapat mengurangkan penyakit itu selepas mengamalkan Tonik Herba

Gamat.

Othman berkata: "Saya sedih jika kaki saya dipotong tetapi kesabaran isteri yang sanggup membersihkan luka dan nanah, membuatkan saya bersemangat melawan penyakit ini."

"Bau busuk tak dapat diceritakan lagi, tapi isteri saya

tabah membersihkan nanah di kaki dan paha saya.

"Pengorbanan itu tidak dapat saya balas walaupun ditukar dengan emas dan permata."

Katanya, seorang rakan yang simpati menyarankan kepadanya mencuba produk Tonik Herba Gamat.

"Selepas mengamalkan produk itu, luka di kaki saya kering dan menunjukkan tanda-tanda sembah.

"Saya amat terkejut dengan tindak balas yang begitu cepat selepas meminumnya dan ia memberi keselesaan kepada saya untuk berjalan semula.

"Bayangkan selama tujuh bulan saya terlantar atas katil kini boleh bangun dan berjalan seperti biasa tanpa menggunakan tongkat," katanya.

Berikutnya, Othman menyarankan pesakit kencing manis di peringkat awal supaya mengamalkan produk itu.

Orang ramai yang mahu berkongsi pengalaman dengan Othman boleh menghubunginya di 017-502 3970.

Mereka juga boleh mendapatkan Tonik Herba Gamat dengan menghubungi Penawar Industries Sdn Bhd di 04-732 6019 atau 012-467 0873 (Mukhriz) atau 019-441 6717 (Shuib).

Headline	Luka, nanah cepat kering	Language	Malay
Date	22 Oct 2009	Page No	2
MediaTitle	Harian Metro	Article Size	349 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	7,504
Frequency	Daily	PRValue	22,512
Circ / Read	289,315 / 1,981,000		



BUKTI...
Othman
menunjukkan
luka
di kakinya
yang mula
kering.